

SIARAN AKHBAR

S.A. 2024/01/23_02 (HQ)

KERJASAMA STRATEGIK TNB REMACO – AL DHOW DAN GE VERNOVA MENYELENGGARA KEJURUTERAAN LOJI JANAKUASA DAN PENYULINGAN AIR DI KUWAIT

- Usaha sama TNB REMACO – Al Dhow menganugerahkan GE Vernova kontrak penyelenggaraan Loji Janakuasa 876MW dan Penyulingan Air Shuaiba Utara di Al Ahmadi, Kuwait.
- Perjanjian penyelenggaraan lima tahun itu termasuk pembekalan alat ganti, pembaikan, perkhidmatan lapangan, penyelenggaraan ramalan lanjutan dan penyelesaian digital.
- Perjanjian adalah sebahagian daripada Kementerian Elektrik, Air dan Tenaga Boleh Baharu Kuwait untuk memodenkan infrastruktur penjanaan tenaga.
- Kerjasama strategik yang sejajar dengan komitmen TNB ke arah meneraju kemajuan landskap tenaga serta piawaian amalan mampan di peringkat global.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) melalui anak syarikatnya, TNB Repair and Maintenance Sdn Bhd (TNB REMACO) mengembangkan perniagaan penyelenggaraan loji janakuasa di Kuwait dengan Perjanjian Program Penyelenggaraan Berbilang Tahun untuk Loji Janakuasa dan Penyulingan Air Shuaiba Utara di Al Ahmadi, Kuwait.

Melalui usaha sama dengan Al Dhow Engineering, syarikat berpangkalan di Kuwait, mereka menandatangani perjanjian perkhidmatan jangka panjang dengan General Electric Global Services (GE Vernova) untuk menyediakan kerja-kerja penyelenggaraan turbin gas di loji itu, yang dimiliki Kementerian Elektrik, Air dan Tenaga Boleh Baharu (MEWRE) Kuwait. Perjanjian itu adalah sebahagian daripada usaha lebih luas MEWRE untuk memodenkan infrastruktur penjanaan tenaga di Kuwait, menyumbang kepada usaha global bagi peralihan tenaga mampan.

Di bawah kontrak lima tahun itu, rakan usaha sama itu menyediakan penyelenggaraan menyeluruh terancang dan tidak terancang untuk turbin gas dan alat bantunya di loji berkapasiti 876 MW tersebut. Perjanjian perkhidmatan jangka panjang itu diumumkan ketika Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (COP28 UAE) di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Ia dihadiri Nik Nazmi Nik Ahmad yang ketika itu sebagai Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (NRECC); Pengerusi TNB, Dato' Abdul Razak Abdul Majid; Ketua Pegawai Operasi TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan; Pengerusi TNB REMACO, Ir Muhammad Nazri Pazil; Ketua Pegawai Eksekutif & Presiden GE Vernova - Eropah, Timur Tengah & Afrika, Joseph Anis; Pengurus Besar GE Vernova - Perkhidmatan Tenaga Gas, KV Pandian; Pengarah Urusan Al Dhow, Joe Georges Chidiac; dan Pengurus Besar Al Dhow, Said El Machtoub.

Pengerusi TNB REMACO, Ir. Muhammad Nazri Pazil berkata, "Kerjasama strategik ini sejajar dengan komitmen TNB untuk menjadi peneraju dalam kemajuan landskap tenaga global. Kedua-dua rakan kongsi ini mempunyai kekuatan dan kepakaran masing-masing yang akan memastikan kebolehpercayaan infrastruktur tenaga Kuwait dan menyumbang kepada matlamat lebih luas dalam peralihan tenaga dan kelestarian."

"Gabungan perkhidmatan usaha sama TNB REMACO – Al Dhow dan GE dengan keupayaan digital mereka akan membantu menyokong penyelenggaraan dan prestasi jangka panjang untuk Loji Janakuasa dan Penyulingan Air Shuaiba Utara serta memastikan loji kuasa beroperasi pada tahap kebolehpercayaan yang tertinggi. Skop kontrak termasuk menaik taraf sistem pembakaran turbin gas dan penyediaan khidmat nasihat teknikal untuk sebarang isu berkaitan loji atau keperluan penambahbaikan."

Beliau juga menyatakan bahawa TNB REMACO mempunyai empat lagi projek perkhidmatan penyelenggaraan di pelbagai loji janakuasa di Kuwait. "Kuwait adalah satu daripada pasaran antarabangsa terbesar kami di samping jejak antarabangsa lain termasuk Arab Saudi, Pakistan, Kemboja dan Vietnam."

Nazri menambah kata bahawa kerjasama itu bukan sahaja akan meningkatkan infrastruktur tenaga Kuwait tetapi juga menetapkan standard untuk amalan mampan di peringkat global. "Kerjasama antarabangsa, penting untuk kecemerlangan operasi dan amalan terbaik, titik permulaan penting untuk memupuk kerjasama lebih luas dalam membentuk masa depan mampan."


TNB REMACO ialah anak syarikat milik penuh kepada bahagian penjanaan kuasa TNB, iaitu TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco) yang mengkhusus dalam operasi & penyelenggaraan (O&M), baik pulih dan pembaikan & penyelenggaraan (R&M) industri berkaitan tenaga, memberi penekanan kepada penggunaan gas, stim dan turbin hidro, dandang, penjana dan banyak lagi. Pengalaman teknikal dan kecekapan syarikat meliputi semua produk terkemuka dunia dalam loji janakuasa dan peralatan sampingan.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 23 Januari 2024, jam 10:00 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 / Grace Tan 016-6626229

/ Faiq Haikal 013-3889606 / Atikah Aqilah 011-10772731

atau emel kami: media@tnb.com.my



Majlis pertukaran dokumen rasmi ketika Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (COP28 UAE) dihadiri Nik Nazmi Nik Ahmad yang ketika itu sebagai Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (empat kanan); Pengerusi TNB, Dato' Abdul Razak Abdul Majid (lima kanan); Ketua Pegawai Operasi TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan (empat kiri); Pengerusi TNB REMACO, Ir Muhammad Nazri Pazil (lima kiri); Ketua Pegawai Eksekutif & Presiden GE Vernova - Eropah, Timur Tengah & Afrika, Joseph Anis (tiga kanan); Pengurus Besar GE Vernova - Perkhidmatan Tenaga Gas, KV Pandian (kanan sekali); Pengarah Jualan Kanan GE Vernova - Gulf Gas Power, Rabih Yazbeck (dua kanan), Pengarah Urusan Al Dhow, Joe Georges Chidiac (tiga kiri); dan Pengurus Besar Al Dhow, Said El Machtoub (dua kiri); Pengurus Operasi Al Dhow, Hosni Kassem (kiri sekali).